

## PENGGUNAAN FORMULA DETEHU JAWI DALAM MEMBANTU MURID MENYAMBUNG HURUF-HURUF JAWI

SEMAN BIN JULAI

Deasem130395@gmail.com

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan untuk membantu murid tahun tiga bagi menyambung huruf-huruf Jawi. Justeru, permasalahan yang berlaku kepada murid tahun tiga telah menjana satu inovasi bagi menangani masalah menyambung huruf-huruf Jawi. Oleh itu, tajuk kajian ini adalah penggunaan Formula DETEHU Jawi dalam membantu murid menyambung huruf-huruf Jawi. Terdapat dua objektif kajian tindakan ini iaitu membantu murid menyambung huruf-huruf Jawi dengan betul dan membantu meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah menggunakan Formula DETEHU Jawi. Sehubungan dengan itu, seramai tiga orang peserta kajian yang telah dipilih berdasarkan kelemahan mereka dalam menyambung huruf-huruf Jawi. Lantaran itu, instrumen yang digunakan dalam penyelidikan tindakan ini adalah pemerhatian, temu bual, lembaran kerja dan borang maklum balas. Dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan Formula DETEHU Jawi dapat membantu murid tahun tiga meningkatkan kemahiran dalam menyambung huruf-huruf Jawi serta dapat membaiki amalan pedagogi guru. Sehubungan dengan itu, antara nilai tambah yang boleh dilakukan pada kajian ini ialah memperkhemaskan lagi tulisan Jawi dalam Formula DETEHU Jawi ini dengan menggunakan kemahiran seseorang yang pakar dalam menulis khat.

**Kata Kunci:** *Menyambung huruf, Murid Tahun 3, Formula, DETEHU, Jawi*

### PENGENALAN

Tulisan Jawi merupakan tulisan pengantar yang digunakan oleh ulama-ulama nusantara semasa menulis kitab-kitab mereka. Namun begitu, tulisan Jawi yang kurang dititikberatkan sehingga kaum melayu yang mengasaskan tulisan inipun ramai yang tidak menguasai tulisan ini. Virus ini merebak kepada murid-murid yang belajar di sekolah rendah sehinggakan mereka mengatakan bahawa Jawi sukar untuk dikuasai dan melabelkan bidang Jawi dalam kelas yang tersendiri sebagai salah satu mata pelajaran yang paling sukar. Hal ini sekaligus mencetuskan kekusaran guru-guru yang mengajar serta menimbulkan kebosanan terhadap murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mustapha (1991), terdapat 95 peratus murid berpandangan negatif terhadap penulisan Jawi. Pernyataan tersebut telah dikuatkan lagi oleh Awang Mohamad Amin (1989), yakni murid sangat lemah dalam menulis dan membaca Jawi. Muhammad Endut (1992), murid semakin ketinggalan dalam mata pelajaran pendidikan Islam sekiranya mereka tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi kerana tulisan Jawi adalah tulisan yang digunakan oleh guru dalam membina Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan sebagai tulisan pengantar ilmu pendidikan Islam. Maka guru memainkan peranan yang sangat besar dalam mencorakkan PdP yang berkesan dan menarik minat murid. Menurut Sharifah Nooraida (2015), menyatakan bahawa guru merupakan duta penting memandangkan aktiviti yang dilaksanakan oleh para guru mampu menambah pemahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari. Berdasarkan pengalaman semasa berpraktikum di sekolah terpilih, Di situ, saya telah mengajar Pendidikan Islam Tahun Tiga khususnya dalam bidang Jawi. Semasa mengajar mereka, terdapat beberapa kelemahan yang telah saya kenal pasti terutamanya

dalam menyambungkan huruf-huruf Jawi. Menurut Harman (2014), mengatakan penggunaan simbol (+) dan (-) memberi impak positif kepada murid dalam penulisan Jawi. Berdasarkan pernyataan tersebut, saya memberikan lembaran kerja yang menggunakan simbol tersebut. Ekoran daripada pengumpulan data awal tersebut, maka Formula DETEHU Jawi dapat dihasilkan yang mana merupakan satu Formula yang membantu murid dalam menyambung huruf-huruf Jawi. Oleh itu, akronim bagi DETEHU pula merupakan kedudukan huruf-huruf Jawi dalam penulisan. Dengan itu, DE (Depan), TE (Tengah) seterusnya HU (Hujung). Penggunaan Instrumen pengumpulan data awal seperti nota lapangan, temu bual, borang maklum balas dan lembaran kerja telah dijalankan semasa kajian ini.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian untuk penyelidikan kajian tindakan saya adalah kesukaran murid tahun tiga untuk menyambung huruf-huruf Jawi. Kesukaran ini telah dikenalpasti melalui pengumpulan data awal yang dikutip menggunakan instrument yang terpilih. Lantaran itu, sudah menjadi satu tanggungjawab kepada saya selaku guru pendidikan Islam, berusaha mencari inisiatif atau inovasi untuk membantu mereka. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah ini saya telah memperkenalkan Formula DETEHU Jawi terhadap mereka. Sehubungan itu, bagi proses perjalanan penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Melalui model tindakan ini, saya akan merancang terlebih dahulu yang mana persediaan dan persiapan jadual DETEHU dibina. Selepas itu, saya akan bertindak yang mana pengaplikasian Formula DETEHU Jawi ini kepada peserta kajian yang terpilih. Semasa pelaksanaan ini saya akan menyelitkan juga kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai bagi menyokong penggunaan Formula DETEHU Jawi ini. Dalam masa yang sama, semasa mengaplikasikan formula ini, saya akan membuat pemerhatian yang menyeluruh seperti keadaan maklum balas atau respon peserta kajian terhadap Formula ini. Segala pemerhatian akan dicatatkan dalam nota lapangan. Maka dari situlah analisis refleksi akan dijalankan bagi melihat keberjayaan Formula ini dalam membantu murid tahun tiga bagi menyambung huruf-huruf Jawi.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

### **Objektif Kajian**

1. Membantu murid menyambung huruf-huruf Jawi dengan betul menggunakan Formula DETEHU Jawi.
2. Membantu meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah menggunakan Formula DETEHU Jawi.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari dalam menyambung huruf-huruf Jawi?
2. Bagaimana penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah?

## PESERTA KAJIAN

Semasa mengajar murid tahun 3 Bestari, saya dapati ramai murid yang lemah dalam menulis Jawi. Oleh sebab itu, saya telah mengecilkan jumlah mereka menjadi sedikit sahaja iaitu seramai tiga orang murid terpilih yang lemah dalam penulisan Jawi terutamanya dalam penyambungan huruf-huruf Jawi. Saya juga telah mengenalpasti peserta kajian saya melalui analisis lembaran kerja yang telah saya berikan kepada mereka. Hasil daripada analisis lembaran kerja saya mendapati bahawa peserta kajian saya ini mempunyai satu persamaan masalah dalam menulis huruf-huruf Jawi khususnya semasa menyambung huruf-huruf Jawi. Ketiga-tiga mereka telah saya kategorikan kepada dua tahap iaitu tahap sederhana dan lemah. Perbezaan tahap intelek itu membuka ruang kepada saya melihat keberkesanan Formula DETEHU Jawi terhadap intelek yang berbeza. Jadual 2 merupakan data awal tentang peserta kajian saya.

**Jadual 1**

### ***Peserta Kajian Tahun 3 Bestari***

<b>Nama murid (Bukan nama sebenar)</b>	<b>Kelas</b>	<b>Masalah</b>	<b>Tahap</b>
Adib	3 Bestari	Tidak dapat menyambung huruf Jawi	Lemah
Aisyah	3 Bestari	Tidak dapat menyambung huruf Jawi	Lemah
Iman	3 Bestari	Cuai semasa menyambung huruf Jawi	Sederhana

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Perancangan yang teliti dan tersusun telah saya rancang sepanjang menjalankan kajian ini. Prosedur pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan Model Stephen Kemmis (1983). Model ini terdiri daripada empat peringkat dan keempat-empat lingkaran tersebut digelar satu lingkaran. Menurut Ting Len Siong (2013), Model Kemmis telah menetapkan dua putaran yang memiliki peringkat pelaksanaan yang berbeza. Disebabkan model ini mempunyai dua lingkaran, maka lingkaran yang kedua ialah untuk penambahbaikan ataupun suatu perubahan yang lebih baik.

Bagi mengumpul hasil dapatan kajian, saya telah menggunakan empat instrumen untuk menjawab kedua-dua persoalan kajian saya. Instrumen yang pertama ialah pemerhatian melalui nota lapangan. Seterusnya ialah borang maklum balas yang mana saya jalankan kepada dua orang guru pendidikan Islam dan tiga orang peserta kajian saya. Instrumen yang ketiga ialah temu bual terhadap seorang guru pembimbing dan peserta kajian. Manakala instrumen terakhir ialah ujian sebelum dan selepas tindakan. Berdasarkan model yang saya gunakan, perkara pertama sekali yang mesti saya lakukan ialah memberikan latihan awal berkaitan menyambung huruf-huruf Jawi kepada semua murid-murid tahun 3 Bestari. Hal ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan mereka terhadap topik ini. Maklumat awal memberikan saya gambaran awal tentang masalah yang dihadapi oleh murid-murid tahun 3 Bestari dalam menyambung huruf-huruf Jawi. Sementelahan itu, latihan tersebut hendaklah saya semak dan diletakkan markah yang diperolehi. Dengan itu, markah tersebut akan disimpan dan dijadikan perbandingan dengan dengan markah akhir nanti dengan menggunakan lembaran kerja yang sama. Lantaran itu, BBM yang telah saya bina bersesuaian dengan masalah mereka dalam menyambung huruf-huruf Jawi.

TENGAH			HUJUNG			FORMULA DETEHU JAWI			DEPAN		
HU	TE	DE	HU	TE	DE	HU	TE	DE	HU	TE	DE
ل	ا	ا	ظ	ظ	ظ	د	د	د	ا	ا	ا
م	ح	ح	ع	ع	ع	ذ	ذ	ذ	ب	ب	ب
ن	ش	ش	غ	غ	غ	ر	ر	ر	ت	ت	ت
ث	خ	خ	ف	ف	ف	ز	ز	ز	ة	-	-
و	ق	ق	ظ	ظ	ظ	س	س	س	ث	ث	ث
و	ف	ف	ث	ث	ث	ش	ش	ش	خ	ج	ج
ه	ق	ق	ك	ك	ك	ص	ص	ص	ب	ا	ا
لا	ك	ك	ك	ك	ك	ض	ض	ض	ح	ا	ا
ي	ك	ك	ك	ك	ك	ط	ط	ط	خ	خ	خ

PERHATIAN: SELEPAS (K) BUAT SATU GARISAN PEMISAH DAHULU SEBELUM MENGGUNAKAN FORMULA DETEHU JAWI		FORMULA	
Boleh sambung	K + H	HIAU (H)	H
Boleh sambung	H + H	KUNING (K)	K
Tidak boleh sambung	H + K	HURUF ARAB	●
Tidak boleh sambung	K + K		

GARISAN PEMISAH → 

HU	TE	DE	K	H	H	K	H	TE	DE
----	----	----	---	---	---	---	---	----	----

 ←

Rajah 1. Jadual Formula DETEHU Jawi

Oleh hal demikian untuk menguji keberkesanan BBM tersebut, saya hanya memilih tiga orang murid sebagai peserta kajian. Tindakan awal yang perlu saya lakukan ialah menerangkan cara yang betul menggunakan Formula DETEHU Jawi kepada peserta kajian dahulu. Setelah mereka faham, saya akan memberi lembaran kerja untuk beberapa kali yang bentuk soalnya hampir sama dengan ujian sebelum tindakan. Keberkesanan Formula DETEHU Jawi hanya terbukti setelah saya memberi ujian selepas tindakan kemudian membandingkan markah yang mereka perolehi daripada ujian tersebut dengan ujian sebelum tindakan. Jelaslah, Formula DETEHU Jawi ini boleh dikatakan berjaya sekiranya peratusan skor akhir peserta kajian melebihi daripada markah awal.

Dalam pada itu, bagi membuktikan kesahihan dan keesahan dapatan kajian saya telah menyemak hasil dapatan yang dikumpul melalui proses triangulasi. Menurut Boon Pong Ying, et.al (2017) menyatakan keesahan maklumat amat penting untuk mendapatkan kebolehpercayaan maklumat yang diperolehi. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kaedah triangulasi boleh dilihat sebagai melihat sebuah arca dari pelbagai sudut yang berbeza untuk mendapat gambaran keseluruhan sesuatu kajian secara jelas mengenai bentuk sesuatu arca tersebut. Ekoran itu, saya telah membuat triangulasi dapatan kajian saya melalui dua kaedah triangulasi iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

### DAPATAN KAJIAN

Instrumen yang pelbagai telah digunakan oleh saya dalam mengutip hasil kajian saya. Hasil kajian ini perlu jelas supaya keberkesanan Formula DETEHU Jawi ini dalam membantu murid tahun tiga menyambung huruf-huruf Jawi dapat dibuktikan. Setiap instrumen yang saya gunakan menjawab segala persoalan kajian saya. Oleh itu, pembahagiannya dapat dilihat melalui Jadual 2.


### Jadual 2

#### Persoalan Kajian dan Instrumen Pengumpulan Data

Bil.	Persoalan Kajian	Instrumen Mengumpul Data
1.	Apakah penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari dalam menyambung huruf-huruf Jawi?	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Ujian sebelum</li> <li>✓ Ujian selepas</li> <li>✓ Nota Lapangan</li> </ul>

2. Bagaimana penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah?	✓ Borang maklum balas ✓ Temu bual
---	--------------------------------------

**Penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari dalam menyambung huruf-huruf Jawi.** Bagi menjawab persoalan satu ini, saya telah menggunakan dua instrumen iaitu ujian sebelum dan selepas dan pemerhatian menggunakan nota lapangan. Lantaran itu, ujian sebelum tindakan saya berikan kepada ketiga-tiga peserta kajian saya. Semasa menjawab ujian sebelum tindakan tersebut, saya belum memperkenalkan lagi Formula DETEHU Jawi kepada mereka. Dengan itu, segala isi jawapan yang tercatat dalam kertas soalan tersebut adalah kemahiran sedia ada mereka dalam menyambung huruf-huruf Jawi. Kemudian, ujian selepas tindakan juga akan diberikan kepada mereka. Sebelum memberikan ujian selepas tindakan tersebut, lembaran kerja lain digunakan bersama Formula DETEHU Jawi dalam beberapa kali dalam memantapkan kemahiran mereka menggunakan Formula tersebut. Setelah mereka menguasainya, maka ujian selepas tindakan diberikan. Saya mendapati hasil dapatan ini menjadi positif apabila terdapat peningkatan markah ujian selepas dengan ujian sebelum tindakan dan purata peningkatan peratusan sebanyak 56.7%. Rajah 2 merupakan peratusan markah ujian sebelum dan selepas tindakan.



**Rajah 2. Graf Perbandingan Markah Ujian Sebelum dan Ujian Selepas**

Seterusnya bagi instrumen nota lapangan melalui pemerhatian dilaksanakan semasa murid membuat ujian sebelum dan selepas tindakan. Segala tindak tanduk mereka di catat dalam nota lapangan. Perlakuan mereka akan dianalisis dan dinilai sama ada terdapat perubahan dalam tindak tanduk mereka.


**Jadual 3**

**Catatan nota lapangan pemerhatian ujian sebelum dan selepas tindakan**

PERUBAHAN TINGKAH LAKU MURID	
CATATAN UJIAN SEBELUM	UJIAN SELEPAS
Pada hari ini, saya telah memberikan ujian sebelum kepada murid. Tugasan ini diberi untuk melihat sejauh mana kemahiran peserta kajian saya dama menyambung huruf-huruf Jawi. Adib dilihat suka menggaru kepalanya dan melihat lihat kawannya di sebelah. Aisyah pula khusuk menulis tetapi ada kalanya tangannya berhenti menulis dalam masa yang agak lama. Akhir sekali ialah Iman suka mengganggu Adib yang duduk di sebelahnya. Semua peserta kajian dapat mengisi jawapan tetapi dalam keadaan yang lama.	Pada hari ini, selepas beberapa hari menjalankan inovasi Formula DETEHU Jawi kepada peserta kajian. Ujian selepas ini sebagai alat pengukur untuk menguji keberkesanan kaedah ini. Semasa mereka membuat ujian selepas tindakan yang diberikan, saya melihat perubahan dalam diri mereka. Ketiga-tiga kelihatan tenang semasa menulis. Semuanya fokus dan tidak mengganggu kawan mereka. Peserta kajian dapat menyelesaikan ujian selepas tersebut sebelum masa yang ditetapkan tamat.

Berdasarkan pemerhatian tersebut, saya dapati terdapat perubahan perlakuan murid daripada negatif kepada positif. Justeru, hal ini menunjukkan bahawa penggunaan Formula Jawi dapat membantu mereka menyambung huruf-huruf Jawi.

**Penggunaan Formula DETEHU Jawi ini membantu murid tahun 3 Bestari meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah.** Bagi menjawab soalan dua kajian, saya telah menggunakan instrumen borang maklum balas dan temu bual.



**Rajah 3. Hasil Dapatan Borang maklum balas Formula DETEHU Jawi**

Daripada graf tersebut saya mendapati bahawa respon mereka terhadap sesi PdP saya sangat baik. Peratusan bersetuju bagi item satu ialah 100%. Oleh sebab itu, saya yakin cara saya mengajar dengan bantuan Formula DETEHU Jawi dapat menarik minat mereka. Manakala, item dua juga 100%. Saya dapat menerima jawapan mereka ini kerana saya sendiri telah melihat perubahan pada kemahiran mereka semasa menyambung huruf-huruf Jawi. Peratusan item ketiga pula 80% bersetuju formula ini mudah untuk dipelajari dan hanya seorang yang tidak bersetuju. Bagi item empat dan lima yang berbunyi adakah Formula DETEHU Jawi ini dapat membantu menulis Jawi dengan mudah dan mengetahui perubahan-perubahan huruf-huruf Jawi sebanyak 100% bersetuju. Tuntasnya, berdasarkan soal sedilik ini saya mendapati bahawa Formula DETEHU Jawi ini memang sesuai dan mudah untuk dipelajari cuma perlu dipertingkatkan lagi dari segi penyampaian dan penerangan untuk memudahkan peserta kajian memahami Formula DETEHU Jawi ini.

Seterusnya, bagi instrumen temu bual pula, saya dapat simpulkan bahawa penggunaan Formula DETEHU Jawi dapat meningkatkan amalan murid. Hasil dapatan temu bual yang saya laksanakan kepada peserta kajian. Mereka mengatakan bahawa mereka berasa seronok proses PdP. Selain itu, mereka mengatakan menyambung jawi adalah senang. Selepas itu, hasil temu bual bersama guru pembimbing juga menunjukkan keputusan yang baik iaitu mereka mengatakan bahawa idea ini menarik serta memudahkan murid dalam menyambung huruf-huruf Jawi. Dengan itu, pedagogi sesuai dan meningkatkan amalan guru dalam bilik darjah.

## REFLEKSI

Formula DETEHU Jawi ini sangat berguna dalam membantu murid untuk menyambung huruf-huruf Jawi. Hal ini telah dibuktikan hasil daripada semua instrumen yang telah saya gunakan iaitu pemerhatian, borang maklum balas, temubual, Ujian sebelum dan selepas tindakan dan sebagainya. Kesemua daripada instrumen tersebut telah menunjukkan peningkatan kemahiran menyambung Jawi dalam kalangan peserta kajian saya. Malahan, Formula DETEHU Jawi ini mendapat persepsi yang positif dan menarik minat mereka terhadap mata pelajaran Jawi sekaligus menambah baik amalan pedagogi guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, pihak Panitia Pendidikan Islam mewakili pihak sekolah serta pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga

turut mendapat manfaat daripada kajian ini. Hal ini kerana tulisan jawi turut menjejaskan pencapaian murid dalam pendidikan Islam. Menurut Nik Rosila (2007), terdapat hubungan yang signifikan diantara penguasaan Jawi dengan pencapaian murid dalam pendidikan Islam. Seterusnya, inovasi yang saya lakukan diharap dapat dimanfaatkan oleh murid-murid di sekolah disamping sebagai asset akhirat saya. Menurut Chow Fook Meng (2012), kajian tindakan berupaya untuk menyelesaikan masalah secara praktikal sesuai dengan minat mereka. ‘Umar al-khaṭṭāb RA memberi nasihat yang ringkas tetapi bermakna iaitu “Didiklah anak-anakmu sesuai dengan zamannya, kerana mereka hidup bukan di zamanmu”. Oleh itu, setiap inovasi yang dijalankan oleh guru merupakan penghargaan kepada keperluan sesi PdP murid bersesuaian dengan zamannya.

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Sepanjang menjalankan kajian ini, saya juga merasakan terdapat beberapa kelemahan dalam yang boleh ditambahbaik pada masa akan datang. Antara-antara kelemahan yang berlaku dalam kajian ini ialah pertama, di dalam Formula DETEHU Jawi ini saya tidak meletakkan Formula untuk menyambungkan huruf hamzah. Dengan itu, masalah ini tidak dapat diatasi apabila menggunakan Formula ini. Saya mencadangkan bahawa kajian berikutnya boleh menambahkan huruf hamzah dalam Formula tersebut.

Seterusnya, inovasi kajian ini hanya untuk menyambung Jawi sahaja bukan untuk membaca tulisan Jawi. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa literasi huruf Jawi boleh diletakkan di dalam jadual tersebut. Contohnya huruf ت literasinya ialah huruf T. Oleh yang demikian, murid dapat membaca perkataan Jawi tersebut. Saya pernah mencuba penggunaan kaedah tersebut dan hasilnya ternyata memuaskan dan ini pasti menarik jika kajian ini dijalankan.

Cadangan seterusnya ialah, mungkin sambungan huruf dalam jadual tersebut boleh ditambahbaik dengan menulisnya dengan menggunakan kemahiran seseorang yang pandai menulis khat. Hal ini kerana, tulisan mereka lebih kemas dan memudahkan murid untuk merujuk tulisan tersebut semasa menyambung huruf Jawi. Akhir sekali, saya berharap agar kajian yang saya lakukan ini menjadi aspirasi kepada guru-guru yang mempunyai masalah yang serupa dalam membantu murid menyambung huruf-huruf Jawi.

## **RUJUKAN**

- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke Arah Penggunaan Yang Lebih Meluas dan Berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937-841.
- Boon Pong Ying, Lee Leh Hong & Lawrence Aloysius Aeria. (2017). *Pentaksiran dalam Pendidikan*. Selangor : Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan dalam Pengajaran*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik*. Kuala Lumpur: Mc Penyelidikan. Graw Hill.

- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat Dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Educators and Education*.161-172.
- Mohd. Harman Hashim. (2014). *Penggunaan Simbol (+) dan (-) dalam meningkatkan pemahaman murid menyambung huruf ج, ح, خ, ك, ل, ن, ي*. Pelaporan akhir ijazah sarjana muda perguruan. Ipg Kampus Batu Lintang Kuching.
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Tentang Masalah Pengajaran Di Sekolah-Sekolah Di Negeri Johor*. Tesis M.Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di negeri Kelantan: Satu Kajian Khusus di Daerah Kota Bharu*. Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan. (2015). *Pengajaran Pendidikan Hak Wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Ting Len Siong, Ahmad Shabry & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan Tindakan Dalam Pendidikan*: Freemind Horizons Sdn. Bhd.